

See discussions, stats, and author profiles for this publication at: <https://www.researchgate.net/publication/356959454>

Varian Kata Ganti Nama Dalam Dialek Melayu Pekan, Pahang: Analisis Geolinguistik

Conference Paper · October 2019

CITATIONS

0

READS

1,238

4 authors:



Junaini Kasdan

Universiti Kebangsaan Malaysia

44 PUBLICATIONS 140 CITATIONS

SEE PROFILE



Nor Hashimah Jalaluddin

Universiti Kebangsaan Malaysia

135 PUBLICATIONS 341 CITATIONS

SEE PROFILE



Harishon Radzi

Universiti Kebangsaan Malaysia

43 PUBLICATIONS 58 CITATIONS

SEE PROFILE



Khairul Ashraaf Saari

Universiti Poly-Tech Malaysia

8 PUBLICATIONS 3 CITATIONS

SEE PROFILE

Varian Kata Ganti Nama Dalam Dialek Melayu Pekan, Pahang: Analisis Geolinguistik

Junaini Kasdan¹,
*Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia*

Nor Hashimah Jalaluddin²,
Harishon Radzi³,
Ahmad Khairul Ashraaf Saari⁴
*Pusat Penyelidikan dan Kelestarian Sains Bahasa (CLasT),
Universiti Kebangsaan Malaysia*
junaini@ukm.edu.my¹, shima@ukm.edu.my², naslin@ukm.edu.my³
khairulashraafsaari@gmail.com⁴

Abstrak

Kajian tentang kata ganti nama dalam pelbagai bahasa dan dialek bukan suatu yang baharu, sekali gus memberikan maklumat tentang perbezaan leksikal atau fonologi kata ganti nama itu sendiri, serta taburan penggunaannya. Kajian-kajian tersebut bahkan turut menjadi asas kepada geolinguistik umumnya dan kajian ini, khususnya. Dalam kajian kali ini, leksikal kata ganti nama, iaitu 'saya', 'kamu' dan 'dia' dalam dialek Melayu di dua buah daerah (Pekan dan Lipis) di Pahang telah diteliti. Berasaskan analisis geolinguistik, elemen linguistik digabungkan bersama dengan faktor bukan linguistik, seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi dan sejarah. Data kajian diperoleh daripada wawancara berstruktur terhadap responden yang terdiri daripada golongan remaja, dewasa dan warga tua. Kajian menunjukkan leksikal-leksikal tersebut mempunyai varian yang pelbagai. Warga tua didapati masih mengekalkan penggunaan dialek tempatan, namun penggunaannya semakin memudar dalam kalangan remaja dan umur produktif. Taburan varian leksikal tersebut dipetakan menggunakan bantuan perisian Sistem Maklumat Geografi (*Geographic Information System – GIS*). Perbandingan dan penyebaran setiap varian kata ganti nama yang digunakan telah berjaya membantu menghuraikan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebarannya di daerah Pekan, Pahang, sekali gus membuktikan bahawa kesemua varian yang digunakan sangat berkaitan dengan geografi dan sosioekonomi setempat. Kajian ini menjadi lebih menarik, sistematik dan meyakinkan kerana disokong dengan teknologi dan pendekatan multidisiplin.

Kata kunci: dialek Melayu Pekan, geolinguistik, Sistem Maklumat Geografi (GIS), kata ganti nama,

Pendahuluan

Negeri Pahang berkeluasan 3,596,585 hektar, iaitu meliputi 27.0% daripada keluasan Semenanjung Malaysia, sekali gus menjadi negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia (<http://jpbid.pahang.gov.my>). Dari segi kedudukannya, Negeri Pahang terletak di timur Semenanjung Malaysia dan disempadani oleh enam negeri, iaitu Negeri Terengganu dan Negeri Kelantan di sebelah utara, Negeri Selangor dan Negeri Perak di sebelah barat dan Negeri Sembilan dan Negeri Johor di sebelah selatan. Negeri Pahang dipecahkan kepada 11 daerah, iaitu daerah Perbandaran Kuantan, Daerah Temerloh, Daerah Bentong, Daerah Raub, Daerah Maran, Daerah Bera, Daerah Cameron Highlands, Daerah Pekan, Daerah Lipis, Daerah Rompin dan Daerah Jerantut. Peta 1 menunjukkan 11 buah daerah di Negeri Pahang.

Sejarah Pahang bermula sebelum didirikan kerajaan Melayu Melaka. Orang Jawa Majapahit zaman dahulu menyebut Semenanjung Tanah Melayu sebagai Pahang. Pada awal kurun ke-16 Masihi, sempadan Pahang meliputi bahagian selatan sampai ke Sedili

Besar dan utara sampai ke Terengganu. Sempadan baratnya pula sampai ke Rembau, Selangor dan Perak (Abd Jalil Borhan 2010). Berdasarkan catatan pengarang China, negeri Pahang dikatakan mempunyai pelbagai nama, seperti Pang-Hang, Peng-Heng, Pang-Heng, Pong-Hong, Phe-Hang, dan Pang-Kang. Orang Arab dan orang Eropah pula menyebutnya sebagai Pam, Pan, Phang, Phaen, Fanhan, Phang dan Pahagh (<https://jpnpahang.moe.gov.my>). Sebelum kedatangan Inggeris, pusat pentadbiran negeri Pahang ialah di Pekan, tetapi kemudiannya dipindahkan ke Lipis. Pada tahun 1955 pusat pentadbiran tersebut berpindah ke Kuantan pula. Sistem perhubungan utama di Pahang pada masa lalu adalah melalui sungai-sungai seperti, Sungai Pahang, Sungai Kuantan, Sungai Bebar, Sungai Rompin, Sungai Endau, Sungai Tembeling, Sungai Jelai, Sungai Semantan dan cawangan-cawangannya. Orang yang hendak pergi ke Kelantan, hendaklah mengikut Sungai Tanum anak Sungai Jelai atau menyusuri Sungat Sat dan Sungai Sepia. Laluan perhubungan ke Perak pula adalah melalui jalan-jalan yang lebih sukar, iaitu mengikut Sungai Bertam dan Sungai Lipis. Seterusnya, untuk ke Selangor laluan yang diikuti adalah dengan menyusuri Sungai Semantan dan cawangannya. Pola sistem pengangkutan pada ketika itu sudah tentu turut meninggalkan kesan pada penduduk, baik dari segi budaya mahupun bahasa.



Peta 1 Daerah dan Persempadan Negeri Pahang
(Disesuaikan dari sumber Google.com)

Dari segi bahasa, negeri Pahang mempunyai keunikan tersendiri kerana setiap daerah mempunyai ciri-ciri penyebutannya yang tersendiri berdasarkan kedudukan sesebuah daerah. Kawasan hulu sungai Pahang dikatakan mempunyai pertuturan yang lebih laju berbanding kawasan hilir kerana aktiviti ekonomi dan cara hidup yang menghasilkan pertuturan yang sedemikian. Mereka yang datang dari hilir sungai Pahang perlu bertutur laju kerana menuruti arus sungai yang laju. Sungai merupakan saluran utama perhubungan dalam komuniti bahasa ini dan pertuturan yang lambat dengan suku kata yang lebih panjang akan membuatkan mereka 'lambat' menyampaikan sesuatu maksud atau memperoleh rezeki kerana akan 'ditinggalkan' oleh arus yang laju itu (Marlyna Maros 2010).

Hal ini pernah disentuh oleh Za'ba, yang menyebutkan bahawa kejadian bahasa atau dialek daerah adalah disebabkan keterasingan sesuatu tempat oleh gunung, hutan, sungai dan sebagainya, sehingga menyebabkan pergaulan antara penutur jarang berlaku. Dalam konteks linguistik, perincian fonologi dialek Melayu Pahang telah dikemukakan oleh Asmah (1988). Hal yang berkaitan dengan bahasa, misalnya boleh juga dilihat melalui bentuk kata sapaan atau kata ganti nama yang digunakan.

Pengkajian Kata Ganti Nama Dan Dialek Melayu Pahang

Menyentuh tentang KGN, negeri Pahang mempunyai varian leksikal yang sangat banyak dan unik, terutama pada pengelasan kata ganti diri pertama, kedua dan ketiga yang rencam dan tidak jelas. Contohnya, kata ganti diri kedua /awak/ atau [awəʔ] juga digunakan sebagai kata ganti diri pertama dan ketiga. Selain itu, pemerhatian di lokasi penyelidikan juga mendapati wujud penggunaan kata ganti nama yang digunakan di utara Semenanjung Malaysia, misalnya [tʃeʔ], [həŋ] dan [depa] secara dominan di sesuatu lokasi. Hal ini tentunya mempunyai penjelasan yang tersendiri yang perlu diselidiki. Banyak kajian telah dilakukan terhadap KGN diri dalam bahasa Melayu. Antaranya termasuklah kajian yang dilakukan oleh Nik Safiah (1991), Amat Juhari (1985) Nor Hashimah (1992, 1995), dan Maslida Yusof (2018). Kata ganti nama diri dalam dialek Melayu juga telah banyak dikaji oleh pengkaji terdahulu, misalnya kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah, Norlisafina, Zaharani & Harishon (2016), Noriah & Hasnida (2009), Rozaimah & Nor Diyana (2011), serta Fazal Mohamed (2015), Minah Sintian (2016), namun kajian-kajian tersebut tidak melibatkan kata ganti nama diri di Pahang. Sungguhpun begitu, kajian-kajian tersebut penting untuk dijadikan rujukan dan panduan pengkaji dalam melaksanakan kajian, seterusnya mengisi kelompangan yang ditinggalkan.

Penelusuran ilmu juga menemukan beberapa kajian yang mengangkat permasalahan tentang dialek Melayu di Pahang, dan antara pengkaji yang banyak memberikan tumpuan kepada dialek Melayu Pahang ialah Mohd Tarmizi dan rakan-rakannya. Salah satu kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi, Rahim dan Shahidi (2010) adalah tentang keterpisahan variasi dialek Pahang. Kajian ini menyangkal pendapat tentang kewujudan lapan subdialek Pahang yang dikatakan dipengaruhi oleh persempadanan politik dengan melihat pengaruh sistem aliran sungai (sungai Pahang, sungai Jelai, sungai Lipis) sebagai asas kepada penamaan dan penggolongan dialek Pahang. Seterusnya pada tahun 2018, Mohd Tarmizi menguraikan permasalahan segmen bunyi yang terjadi pada konsonan nasal akhir dan pengekal vokal tinggi pada posisi suku kata praakhir. Pengkaji berpendapat bahawa penentuan, sama ada sesuatu ciri itu dapat dikategorikan sebagai inovasi atau retensi adalah melalui pendekatan perbandingan yang lazim dalam linguistik perbandingan sejarah. Satu-satunya kajian yang secara khusus mengkaji dialek Melayu di Pekan Pahang ialah Marlyna Maros (2010). Beliau mengangkat permasalahan tentang penggunaan dan pengekal dialek Melayu di Pekan yang bertitik tolak daripada pemerhatian dan anggapan bahawa dialek ini tidak mempunyai identiti tersendiri kerana di daerah ini sering kali ditemukan penutur yang bertutur sama ada dalam variasi dialek Kelantan, Terengganu, atau bahasa Melayu standard.

Pada umumnya, walaupun kajian dialek telah banyak dijalankan di Malaysia, namun masih banyak kelompangan yang perlu dipenuhi. Kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini telah membuka ruang dan menawarkan alternatif lain dalam kajian ilmu linguistik. Masih banyak fenomena dialek yang dapat dicungkil dan diketengahkan kepada masyarakat. Kajian geolinguistik yang memanfaatkan perisian GIS, pada umumnya masih belum begitu meluas dan masih banyak yang boleh diteroka, terutama yang melibatkan dialek Pahang. Justeru, kajian ini bermaksud meluaskan kajian yang telah dilakukan sebelum ini dengan meneliti leksikal kata ganti nama (KGN), di Daerah Pekan, Pahang. Kajian juga bertujuan memetakan taburan varian leksikal tersebut menggunakan perisian

GIS, dan seterusnya menghuraikan fenomena yang menyebabkan berlakunya variasi leksikal yang melibatkan KGN diri berdasarkan analisis geolinguistik.

Justeru, kajian ini bertujuan memaparkan dan membincangkan hasil dapatan kajian varian KGN diri di seluruh kawasan yang dikaji, iaitu daerah Pekan, Pahang. Pengkaji meneliti tiga aspek pemaparan iaitu, pertama pemaparan varian leksikal yang ditemui di kawasan kajian. Kedua, penjelasan tentang keterkaitan geolinguistik yang menyebabkan berlakunya taburan leksikal, berbantuan perisian sistem maklumat geografi (GIS). Ketiga, pemaparan peta isoglos yang diperoleh. Kesemua varian leksikal KGN ini dianalisis mengikut elemen bukan linguistik, seperti bentuk muka bumi, sejarah, ekonomi dan persempadanan. Diharapkan agar hasil kajian yang diperoleh akan dapat dijadikan panduan dan memberikan idea kepada pengkaji lain dalam usaha mengembangkan kajian seumpama.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan kajian lapangan di daerah Pekan, Pahang. Tujuannya adalah untuk mendapatkan data yang tulen dan secara langsung antara responden dan pengkaji. Kaedah kajian ini merupakan ciri bagi sebuah kajian *explanatory*, iaitu kajian yang melibatkan pemerhatian atau pengutipan data yang dapat dihuraikan dengan penjelasan yang teliti. Menurut Nor Hashimah (2006), kaedah penyelidikan ini lebih mempertaruhkan aspek kesaintifikan yang menerangkan teori atau pendekatan yang sesuai dan dapat dijelaskan dengan analisis yang tuntas. Oleh itu, bagi memastikan data yang diperoleh benar-benar dapat mewakili populasi, maka perancangan perlu dilakukan dengan baik. Sebelum pengutipan data dilakukan, penyelidik perlu mengenal pasti titik kampung terlebih dahulu dan menghubungi Ketua Kampung atau *key informan* bagi memastikan kajian berjalan dengan lancar. Dalam kajian ini, sebanyak 20 titik kampung Melayu di daerah Pekan ditetapkan sebagai lokasi penyelidikan. Semua maklumat persekitaran, keadaan geografi kampung dan latar belakang responden perlu dicatatkan sebagai bukti penghujahan.

Kajian lapangan yang dilakukan melibatkan temu bual, soal selidik dan rakaman audio. Kajian ini melibatkan 150 responden yang terdiri daripada beberapa peringkat umur, iaitu remaja (15-25 tahun), dewasa (26-55 tahun) dan warga emas (56 tahun ke atas) dengan tiga orang penyelidik yang dibantu oleh 26 orang pembantu penyelidik (enumerator).



Gambar 1 Penyelidik bersama-sama Penyelidik

Selanjutnya, data yang diperoleh perlu dimurnikan terlebih dahulu sebelum dianalisis. Pentranskripsian perlu dilakukan bagi mendapatkan representasi sebutan yang baik dan tepat. Dalam hal ini simbol fonetik *Internasional Phonetics Alphabet (IPA)* digunakan. Data kemudiannya dimasukkan ke dalam jadual artribut perisian ArcGIS dan diproses untuk menjana peta variasi leksikal KGN diri yang dikaji.

Perbincangan

Kata ganti nama (KGN) diri merupakan bahagian daripada dieksis sosial. KGN diri lazimnya digunakan oleh manusia untuk merujuk diri sendiri atau menggantikan nama seseorang atau sekumpulan manusia lain. Menurut Abdullah Hassan (1973), kata ganti nama boleh menggantikan nama khas. Nik Safiah Karim et al. (1996) menjelaskan bahawa KGN diri ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas atau kata nama am atau kata yang berdiri di tempat kata nama diri bagi manusia. Asmah (1990) berpendapat bahawa terdapat lapan jenis KGN, iaitu KGN diri manusia, KGN konteks sosial, KGN bahasa di raja, KGN biasa, konteks nahu, KGN sendiri, KGN diri bukan manusia dan bentuk klitik. Namun, Nor Hashimah (2001) membahagikan KGN kepada empat subgolongan sahaja, iaitu KGN diri, KGN panggilan, KGN tanya dan KGN tunjuk. Dalam konteks KGN diri bagi manusia, Asmah (1995) mengelaskan KGN diri kepada kata nama diri jati, yang dipecahkan kepada tiga, iaitu KGN orang pertama (aku, beta, kami, kita), KGN orang kedua (engkau, kamu, hang, hangpa, mika, kome) dan KGN orang ketiga (ia, dia, mereka, depa, dema). Bagi Nurul Syahida & Maslida (2015), KGN boleh hadir dalam bentuk mufrad atau tunggal, namun berlaku juga penggunaan KGN diri seperti /cek/, /hang/ dan /depa/ untuk merujuk diri kedua dan ketiga.

Dalam konteks kajian ini, perbincangan akan ditumpukan pada KGN diri pertama, /saya/; KGN diri kedua, /kamu/ dan KGN diri ketiga, /dia/ yang dianggap paling dominan di kawasan kajian. Secara keseluruhan KGN diri yang ditemukan di daerah Pekan adalah seperti yang dipaparkan dalam Gambar rajah 1.

	KG1 /saya/	KG2 /kamu/	KG3 /dia/
TUNGGAL	sajə aku kəj tʃeʔ	awəʔ ɔʔ han	djə awəʔ dʒə
JAMAK	kawan kawe təman kita	kawe	depa depə

Gambar rajah 1 Variasi KGN /saya/, /kamu/ dan /dia/ di daerah Pekan, Pahang

Berdasarkan Gambar rajah 1, dapat dilihat bahawa kata varian KGN diri pertama dapat merujuk bilangan jamak dan tunggal. Misalnya, varian [sajə], [kəj], [aku], dan [tʃeʔ] merujuk kepada bilangan tunggal, manakala [kawan], [kawe], [təman], dan [kite] pula merujuk bilangan jamak. Namun, varian [kawe], sebagai KGN diri pertama yang merujuk bilangan jamak turut digunakan sebagai KGN diri kedua bilangan jamak. Bentuk tunggal KGN diri kedua ialah [awəʔ], [ɔʔ], dan [han]. Namun, varian [awəʔ], yang merupakan kata KGN diri kedua bilangan tunggal ini juga boleh merujuk KGN diri ketiga tunggal. Menurut Nor Hashimah, Norlisafina, Zaharani & Harishon (2016), hal ini biasa juga berlaku dalam

bahasa-bahasa yang lain kerana jika KGN muncul dalam bentuk tuturan, maka urutan keserasian antara perkataan yang mendahului atau mengikuti KGN adalah berbeza.

i. Kata Ganti Nama Diri Pertama, /saya/

Pada umumnya, kajian merakamkan lapan varian KGN diri pertama /saya/ di daerah Pekan, iaitu [sajə], [kawan], [kɔj], [kawe], [aku], [tʃeʔ], [təman], dan [kitə]. Varian leksikal tersebut dipaparkan dalam Jadual 1 yang berikut.

Jadual 1 Varian KGN diri pertama /saya/


Kampung	Leksikal	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8
		sajə	kawan	kɔj	kawe	aku	tʃeʔ	təman	kitə
Kg. Sri Fajar	/saya/	/	/	/	/				
Kg. Batu 8 Lepar			/	/					
Kg. Banjir Lepar			/						
Kg. Serambi		/	/						
Kg. Rekoh				/	/				
Kg. Serandu		/							
Kg. Aceh		/		/		/			
Kg. Padang Polo		/	/	/	/	/			
Kg. Batu 5				/	/	/			/
Kg. Bukit Udang		/	/	/	/	/			/
Kg. T. Chempaka			/	/	/	/			
Kg. Pelak		/	/	/	/	/			/
Kg. Paloh Hinai			/			/			
Kg. Belimbing		/			/	/			
Kg. Salong		/						/	
Kg. Jambu		/				/	/	/	
Kg. Tering		/	/		/	/	/	/	
Kg. Pandan Dalam		/				/			
Kg. Permatang Durian		/	/	/		/	/	/	
Kg. Badung		/	/	/		/	/	/	

Kajian mendapati, penggunaan L1 [sajə], hampir di seluruh lokasi yang dikaji, meliputi seluruh daerah Pekan. Beberapa titik kampung yang tidak dicatatkan penggunaan varian /saya/ adalah kerana mereka lebih cenderung untuk menggunakan varian L2 [kawan]. Varian [kawan] sebenarnya lebih lazim dituturkan sebagai [kawe]. Namun, bentuk tersebut muncul disebabkan penutur terpengaruh dengan sebutan bahasa Melayu baku. Begitu juga dengan penggunaan L1 [sajə], L5 [aku], dan L8 [kitə]. Kesemuanya disebutkan dengan cara sebutan bahasa Melayu baku. lebih cenderung dituturkan oleh golongan remaja dan kumpulan umur produktif, 20 – 45 tahun. Hal ini disebabkan oleh pengaruh persekolahan dan pekerjaan, serta peranan daerah Pekan sebagai pusat pentadbiran (sebelum dipindahkan ke Kuantan), sekali gus sebagai bandar di Raja, yang menuntut mereka menggunakan bahasa Melayu standard, namun tidak meninggalkan dialek asli tempatan.

Perkara menarik yang dapat diamati melalui kajian ini ialah wujudnya variasi KGN diri /saya/ dari dialek utara Semenanjung Malaysia dan dialek pantai timur, selain dialek tempatan. Pada umumnya, variasi tersebut dapat dipecahkan kepada empat bentuk, iaitu:

- i. variasi bahasa standard, [sajə], [aku], dan [kitə];
- ii. variasi dialek utara [tʃeʔ] dan [təman];
- iii. variasi dialek pantai timur, [kawan], dan [kawe],
- iv. variasi dialek tempatan (Pekan), [kɔj]

Varian [kɔj] merupakan leksikal yang dominan digunakan di tengah-tengah bandar Pekan, seperti Kampung Padang Polo, Kampung Batu 5, Kampung Bukit Udang dan kawasan di sekitarnya. Apabila peta isoglos dijana, maka taburan tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas seperti yang terpapar dalam Peta 2.



Peta 2 Peta isoglos penyebaran leksikal /saya/ di Daerah Pekan

ii. Kata Ganti Nama Diri Kedua, /kamu/ Di Pekan

Pada umumnya, kajian merakamkan empat KGN diri kedua, /kamu/ di daerah Pekan, iaitu [ɑwɔʔ], [kawe], [ɔʔ], [hɑŋ], [təman], dan [kitə]; dan variasi tersebut dapat dipecahkan kepada tiga bentuk, iaitu:

- i. variasi dialek utara [hɑŋ];
- ii. variasi dialek pantai timur, [kawe]
- iii. variasi dialek tempatan (Pahang), [ɔʔ] dan [ɑwɔʔ]

Hampir keseluruhan daerah Pekan menggunakan varian [ɑwɔʔ] yang merupakan varian daripada dialek tempatan. Leksikal [ɑwɔʔ] berubah dari bahasa Melayu standard dengan perubahan vokal /a/ dengan vokal /o/. Varian [ɔʔ] pula merupakan varian dialek tempatan di Pahang tetapi berlaku akibat pengaruh daerah-daerah yang bersempadan dengan Pekan. Varian [ɔʔ] banyak digunakan di kawasan hilir dan hulu sungai Pahang.

Sama seperti penggunaan KGN diri untuk /saya/, kajian juga mendapati varian leksikal KGN diri untuk /kamu/ di daerah Pekan selatan turut menggunakan variasi dialek utara. Varian leksikal tersebut dipaparkan dalam Jadual 2 yang berikut.

Jadual 2 Varian KGN diri kedua /kamu/

Kampung	Leksikal	L1	L2	L5	L7
		awɔʔ	kawe	ɔʔ	haŋ
Kg. Sri Fajar	/kamu/				
Kg. Batu 8 Lepar		/			
Kg. Banjir Lepar		/			
Kg. Serambi		/			
Kg. Rekoh		/			
Kg. Serandu		/	/		
Kg. Acheh		/	/		
Kg. Padang Polo		/	/		
Kg. Batu 5		/	/		
Kg. Bukit Udang		/	/		
Kg. T. Chempaka		/		/	
Kg. Pelak		/		/	
Kg. Paloh Hinai		/	/	/	
Kg. Belimbing		/	/		
Kg. Salong		/	/		
Kg. Jambu		/			
Kg. Tering		/		/	/
Kg. Pandan Dalam		/	/		/
Kg. Permatang Durian			/		/
Kg. Badung		/			/

Apabila peta isoglos dijana, maka taburan tersebut dapat dilihat dengan lebih jelas seperti yang terpapar dalam Peta 3.



Peta 3 Peta isoglos penyebaran leksikal /kamu/ di Daerah Pekan

iii. Kata Ganti Nama Diri Ketiga, /dia/ Di Pekan

Pada umumnya, kajian merakamkan empat KGN diri ketiga, /dia/ di daerah Pekan, iaitu [awɔʔ], [dijə], [dja], [dijɔ], dan [depa], variasi tersebut dapat dipecahkan kepada tiga bentuk, iaitu:

- i. variasi bahasa standard, [dijə]
- ii. variasi dialek utara [depa], [deɔ] dan [dja]
- iii. variasi dialek tempatan (Pekan), [awɔʔ],

Hampir seluruh daerah Pekan menggunakan varian [dijə]. Hal ini dapat dimaklumi kerana leksikal tersebut merupakan bahasa Melayu standard. Varian [depa], [deɔ] dan [dja] muncul di daerah Pekan selatan, iaitu di Kampung Permatang Durian, Kampung Pandan Dalam dan Kampung Badung. Varian leksikal tersebut dipaparkan dalam Jadual 3 yang berikut.

Jadual 3 Varian KGN diri ketiga /dia/

Kampung	Leksikal	L1	L2	L3	L4	L5
		dijə	awɔk	dja	dijɔ	depa
Kg. Sri Fajar	/dia/	/				
Kg. Batu 8 Lepar		/	/			
Kg. Banjir Lepar		/				
Kg. Serambi		/				
Kg. Rekoh		/	/			
Kg. Serandu		/				
Kg. Acheh		/			/	
Kg. Padang Polo		/	/			
Kg. Batu 5				/	/	
Kg. Bukit Udang		/	/	/		
Kg. T. Chempaka						
Kg. Pelak		/	/	/		
Kg. Paloh Hinai		/				
Kg. Jambu		/				
Kg. Tering		/				
Kg. Pandan Dalam		/				/
Kg. Permatang Durian		/				/
Kg. Badung		/			/	/

Berdasarkan Jadual 3, dapat dipastikan bahawa varian leksikal [awɔʔ] sebagai KGN diri kedua juga digunakan sebagai KGN diri ketiga. Ada kalanya leksikal tersebut ditambah dengan akhiran [nə] menjadi [awɔʔ nə]. Dalam bahasa Melayu standard leksikal ini boleh bermaksud /awanya/ atau /dianya/. Selanjutnya, janaan peta isoglos menunjukkan taburan varian-varian leksikal, seperti yang terpapar dalam Peta 4.



Peta 4 Peta isoglos penyebaran leksikal /kamu/ di Daerah Pekan

Analisis Geolinguistik

Fenomena keanekaragaman varian yang berlaku tentunya mempunyai alasan yang tersendiri. Penggunaan varian dialek utara [tʃeʔ], [təman], [dɛpa], [dja] dan [hɑŋ], [təman] didapati bertumpu di kampung-kampung yang bersempadan dengan daerah Rompin dan berada di laluan utama sungai Pahang. Titik kampung yang terlibat, antaranya ialah Kampung Jambu, Kampung Tering, Kampung Permatang Durian dan Kampung Badung, yang kesemuanya berada di laluan sungai Pahang. Menurut Collins (2016), dialek di kawasan pesisir pantai Sungai Pahang, bermula dari Cherating, hingga ke Rompin banyak dipengaruhi oleh dialek Melayu Terengganu. Namun, kajian ini mencatatkan kawasan ini dipengaruhi oleh dialek utara, khususnya Perak. Responden paling tua berusia 80 tahun dan menetap di kawasan tersebut sejak lahir; dan menggunakan varian [tʃeʔ], [təman], [dɛpa], [dja] dan [hɑŋ], [təman] untuk merujuk /saya/, /kamu/ dan /dia/ sebagai kata ganti nama diri.

Berdasarkan sejarah, sungai-sungai utama di negeri Pahang, seperti Sungai Pahang, Sungai Kuantan, Sungai Rompin, Sungai Endau, dan cawangan-cawangannya merupakan sistem perhubungan utama yang menghubungkan para pedagang dan masyarakat, dari dalam mahupun dari luar negeri Pahang, termasuk pedagang yang datang dari Kampar. Mereka datang melalui jalan laut Selat Melaka, sebelum meneruskan perjalanan menerusi jalan darat. Namun, sungai Pahang merupakan laluan yang paling strategis. Justeru, orang-orang Kampar ini juga membuat kawasan penempatan di sekitar Sungai Pahang. Catatan sejarah menunjukkan penempatan mereka bermula dari Pekan-Chenor-Temerloh-Kuala Krau dan Kuala Lipis. Justeru, tidak menghairankan sekiranya

banyak leksikal, termasuk KGN diri dialek utara, [tʃeʔ], [təman], [depa], [dja] dan [han], [təman] turut digunakan secara meluas di Kawasan yang tersebut.

Catatan sejarah juga menunjukkan bahawa pentadbiran British (Shansuddin 2016), pada sekitar tahun 1895 telah menggalakkan kedatangan dan kemasukan orang-orang Melayu dari luar negeri Pahang, terutamanya mereka yang berkemahiran dalam tanaman padi sawah bagi memajukan kegiatan pertanian di negeri Pahang. Masyarakat tempatan pula memilih untuk melaksanakan aktiviti ekonomi seperti penanaman padi kering dan mencari hasil hutan. Catatan ini turut menjelaskan tentang penggunaan varian leksikal KGN diri dari dialek utara. Hal ini kerana masyarakat Perak dan Kedah memang sangat mahir dalam kegiatan pertanian padi. Oleh itu, berdasarkan kepakaran yang mereka miliki, mereka dibawa berhijrah ke Pahang, khususnya pekan dan kemudiannya kekal dan menetap di situ. Walaupun berlaku migrasi, namun sebagai masyarakat budaya, mereka masih mengekalkan ciri-ciri budaya mereka, seperti makan, bahasa dan cara berpakaian.

Selanjutnya, Orang yang hendak pergi ke Kelantan, hendaklah mengikut Sungai Tanum anak Sungai Jelai atau menyusuri Sungai Sat dan Sungai Sepia. Laluan perhubungan ke Perak pula adalah melalui jalan-jalan yang lebih sukar, iaitu mengikut Sungai Bertam dan Sungai Lipis. Justeru, kawasan-kawasan laluan ini mewujudkan petempatan bagi masyarakat, sama ada yang datang dari Kelantan atau dari Perak.

Selain daripada itu, faktor perkahwinan campur juga menyebabkan wujudnya penggunaan dialek yang baru di kawasan tersebut. Pada umumnya, keluarga akan cenderung mengikut bahasa ibu berbanding ayah. Oleh itu, berlaku pertembungan bahasa dalam keluarga, yang satu mengekalkan bahasa ibu dan satunya mengekalkan bahasa ayah.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya memperlihatkan kepelbagaian variasi bagi leksikal yang melibatkan KGN diri dialek Pekan, Pahang, sekali gus menunjukkan wujudnya kerencaman dari aspek penggunaannya. Kerencaman dan keunikan tersebut bukan sahaja dipengaruhi oleh bentuk muka bumi, sejarah, pengaruh dialek luar dan persempadanan tetapi juga kegiatan sosioekonomi. Secara umumnya, kajian ini menyimpulkan daerah Pekan selatan yang bersempadan dengan daerah Rompin dan Mersing di Johor lebih dominan dengan penggunaan KGN diri yang dipengaruhi oleh dialek Perak atau Kampar, manakala bahagian Daerah Pekan utara yang bersempadan dengan Daerah Kuantan turut dipengaruhi oleh dialek Kelantan. Kajian mendapati bahawa kerencaman variasi leksikal yang digunakan adalah akibat daripada faktor persempadanan dan kegiatan sosioekonomi. Walau bagaimanapun, kajian lanjut yang lebih komprehensif perlu dilakukan bagi menyokong hasil dapatan kajian ini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini, melalui **Geran Penyelidikan Dana Cabaran Perdana DCP-2017-008/2**.

Rujukan

Abd. Jalil Borhan. 2010. Jejak warisan Pahang Pencetus Tamadun Pembangunan Modal Insan Holistik. *Ucap utama Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana mengingati sejarah ke arah kecemerlangan masa depan*.

- Asmah Haji Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1995. *Rekonstruksi kata dalam bahasa Melayu induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Nahu Kemaskini: panduan bahasa yang baik dan betul*. Batu Caves: PTS.
- Asmah Haji Omar. 1988. *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi ke-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Romzi Ramli. 2015. Kata Ganti Nama dalam Bahasa Mendriq. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies* 67 Volume 15(3): 67-82.
- Marlyna Maros. 2010. Dialek Melayu Pekan: Penggunaan dan Pengekalan. *Jurnal Bahasa Vol.10 (1):74-97*.
- Maslida Yusof. 2018. Trend Ganti Nama Diri Bahasa Melayu dalam Konteks Media Sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication* 34(2): 36-50.
- Minah Sintian. 2016. Kata ganti nama diri dalam dialek Bunduliwan. *Prosiding Seminar Penyelidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim*. https://www.researchgate.net/publication/306401512_KATA_GANTI_NAMA DIRI_D ALAM_DIALEK_BUNDULIWAN.
- Mohd Tarmizi Hasrah, M.; Rahim Aman; Shahidi, A. H. 2011. Sketsa dialek Melayu Pahang *Jurnal Linguistik, Volume 12, Edisi Khas, : 315-322*.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Sahidi A.H. 2010. Variasi dialek Pahang: keterpisahan berasaskan jaringan sungai. *Jurnal Bahasa Vol. 5(1): 315-332*.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi, A.H., Rahim Aman. 2013. Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling *GEMA Online Journal of Language Studies, Volume 13, No. 3: 211-222*.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2018. Dialek Melayu hulu dan hilir di timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa, Volume 18, No. 1, Jun 2018: 65-104*.
- Nasir Nayan. 2010. *Manual ArcGIS™: Amali ArcMap™ dan ArcCatalog™*.Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Penyebaran dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, Vol. 8(2): 310-330*.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi & Maslida Yusof. 2002. Kata Panggilan dalam Masyarakat Melayu: Analisis Sociolinguistik dan Pragmatik. *Jurnal Bahasa*. Kuala Lumpur. 2(2), 224-257.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad & Harishon Radzi. 2016. Variasi Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol. 16(1).
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2001. Ganti Nama Melayu Satu Definisi Semula. *Jurnal Bahasa*. 1(12), 15-22.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2000. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noriah Mohamed dan Hasnida Chekha. 2009. Jenis dan penggunaan kata ganti nama diri dalam bahasa Ural Lawoi di Pulau Lipek, Thailand. *Jurnal Bahasa*, Vol. 9 (1): 70-99. ISBN 978-983-99713-7-8

Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. 2015. Analisis Deiksis Dialek Kedah. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies* 163 Volume 15(1): 163-187.

Rozaimah Rashidin dan Nor Diyana Saupi. 2011. Kata ganti nama dalam dialek Kerinci. *Jurnal Linguistik*, Vol. 14: 1-16.

Shansuddin Ahmad. 2016. *Politik Melayu Pahang dari tahun 1955 hingga 1984*. Pulau Pinang: USM.

Trudgill, P. 1974. *Sosiolinguistik: Satu Pengenalan*. Terj. Nik Safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad. 2013. *Aspek Fonologi Bahasa Melayu: Daripada derivasi rumus kepada tatatingkat kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<http://jpbd.pahang.gov.my>

<https://jpnpahang.moe.gov.my>

<https://www.nms.ac.jp/college/english/research/topics02.html>

Biodata Penulis

JUNAINI KASDAN (PH.D) ialah Felo di Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau pernah bertugas di Bahagian Peristilahan dan Leksikologi, DBP dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebelum berpindah ke Universiti Kebangsaan Malaysia. Tumpuan penyelidikan beliau ialah Linguistik Terapan, Terminologi dan Terminografi, serta Bahasa Melayu untuk Penutur Asing.

NOR HASHIMAH JALALUDDIN (Ph.D) ialah presiden Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Profesor dan pensyarah dalam bidang Linguistik di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tumpuan penyelidikan beliau ialah Pragmatik, Akal Budi Melayu, Geolinguistik

HARISHON RADZI (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan dalam bidang Linguistik di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Tumpuan kajian beliau ialah Geolinguistik,

AHMAD KHAIRUL ASHRAAF SAARI ialah pelajar Sarjana Linguistik di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).